



### UPM tingkat kerjasama bangun teknologi dan produk halal



**KUALA LUMPUR, 5 April** – Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani dua perjanjian persefahaman membangunkan teknologi mengesan bahan gelatin tidak halal pada produk makanan dan penghasilan produk samak berasaskan tanah liat.

Firma Amerika Syarikat, Agilent Technologies Inc. menjalin kerjasama dengan IPPH bagi meningkatkan keupayaan melaksanakan penyelidikan yang memberi penekanan terhadap penghasilan produk makanan yang halal dan selamat kepada pengguna.

Melalui kerjasama itu, Agilent akan membekalkan alatan canggih dikenali sebagai ultra-sensitive Agilent 6490 Triple Quadrupole Liquid Chromatography yang mampu melakukan diagnostik tahap molekul bagi mengesan bahan tidak halal.



Selain bantuan alatan, Agilent turut melaksanakan latihan kompetensi kepada penyelidik profesional IPPH bagi menjalankan analisis ujian kimia dengan menggunakan alat itu.

Pengarah IPPH, Prof. Dr. Russly Abdul Rahman berkata kerjasama itu membuktikan bahawa UPM sentiasa memastikan kualiti penyelidikan produk halalnya bertaraf dunia demi meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap kualiti produk dan perkhidmatan yang dihasilkan.

“Kerjasama yang pertama seumpamanya di rantau Asia Tenggara ini dilihat mampu melonjakkan nama Malaysia sebagai Hub Halal Sedunia di mana nilai pasaran produk – produk halal dianggarkan berjumlah US\$662 bilion (RM 2 trilion) setahun mewakili 17% daripada industri pasaran makanan global,” katanya semasa Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 di sini.

Kerjasama kedua melibatkan IPPH dengan MIFF (M) Marketing, sebuah syarikat yang dimiliki 100% bumiputera Islam yang menawarkan perkhidmatan samak berasaskan tanah liat di Malaysia.



Dr. Russly berkata, penyelidikan dengan IPPH itu merupakan langkah inisiatif yang diambil oleh MIFF untuk membangunkan produk mereka bagi meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan sedia ada.

“Penyelidikan dengan IPPH adalah penyelidikan secara kimia dan fizikal terhadap produk tanah liat yang dibangunkan dan menghasilkan produk baru menepati piawaian serta selamat digunakan.

“Selain itu, penyelidikan juga akan dijalankan bagi menghasilkan variasi terhadap produk untuk kegunaan awam dan pihak industri seperti samak clay powder, sabun samak, cecair pencuci samak dan pembersih minyak universal,” katanya.

Sidang Kemuncak Penyelidikan Halal Dunia 2012 di Kuala Lumpur menampilkan 12 penceramah tempatan dan antarabangsa dan disertai oleh 700 orang terdiri daripada ahli akademik dan perniagaan.

**Berita ini disediakan oleh Muhamad Najkhan Mazlan 03-89466011 dan foto oleh Mohd Hasrul Hamdan 03-89466189**